

Mimpi ngeri selepas 19 tahun huni flet

KUALA LUMPUR: "Sema-lam (kelmarin) genap 19 tahun kami sekeluarga menetap di sini. Malangnya hari pertama melangkah ke tahun berikutnya, rumah kami tiba-tiba ditimpa musibah.

"Igauan dan mimpi ngeri selama ini akhirnya menjadi kenyataan apabila tanah berhampiran blok flet ini runtuh sehingga hampir memusnahkan dua kereta di kawasan berkenaan," kata seorang penduduk, Yap Siew Kin, 53, ketika ditemui malam tadi.

Yap berkata, ketika kejadian, dia bersama isterinya sedang berehat di rumah sebelum ketua blok menjerit berulang-ulang kali meminta semua penghuni meninggalkan rumah masing-masing.

"Ketika itu jam 6.30 petang dan saya menyedari tanah mula mendap manakala jiran sibuk keluar dari rumah bagi menyelamatkan diri.

"Saya dengan anak segera ke kereta untuk mengeluarkannya dari situ tetapi tak berjaya kerana runtuh berlaku be-

gitu pantas," katanya yang tinggal di tingkat lima blok B4.

Menurutnya, dia dan keluarga tidak sempat mengambil sebarang dokumen penting ketika keluar menyelamatkan diri kerana bimbang kejadian tidak diingini.

Yap berkata, penduduk sebelum ini pernah mengemukakan aduan kepada ketua blok dan mereka yang terbabit dengan aktiviti mengorek tanah di sungai berhampiran tetapi tidak sebarang tindakan diambil.

"Pagi tadi saya nampak aktiviti mengorek pasir giat dilakukan kontraktor sehingga berlarutan petang tadi. Jumlahnya begitu banyak sehingga menimbulkan persoalan sama ada akan memberi kesan kepada penduduk atau sebaliknya.

"Sejak beberapa bulan kebelakangan ini aktiviti pembangunan tidak kira siang atau malam hinggalah ada ketikanya kami terasa rumah bergoncang," katanya.

Tanah runtuh di flet Wangsa Maju METRO 10/10/2006

Bertempiaran

Penghuni panik, kelam-kabut selamatkan diri sebaik flet bergegar

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Zaitie Satibi, Nur Asnawi Daud dan Mohd Sabran Md Sani

am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Macam histeria. Hampir semua penduduk flet menjerit dan lari bertempiaran seolah-olah histeria.

"Keadaan menjadi kelam-kabut dan panik hingga ada penduduk yang terjatuh ketika menuruni tangga," kata Hassan Abu Talib, 43, seorang daripada 1,000 penghuni flet di Seksyen 10, Wangsa Maju di sini, yang bergegar selepas tanah runtuh menjelang waktu berbuka puasa, malam tadi.

Dia yang baru pulang dari kerja ketika kejadian berkata, dia menjadi keliru dengan apa yang berlaku sebelum lari menuju ke rumahnya di tingkat tiga Blok B3.

"Ketika di dapur rumah, saya sempat mendengar bunyi rekahan kuat diikuti pergerakan bumi. Saya dapat lihat dengan jelas pokok di lereng bukit tumbang dan lenyap ditelan bumi," katanya.

Hassan yang juga pemandu KL Monorel mendakwa, serta-merta terhidu bau gas masak yang bocor dari paip bawah tanah.

Seorang lagi penduduk, Mohd Sabri Ismail, 29, berkata dia tidak sempat menjamah kuih tepung pelita yang dibeli apabila rumahnya tiba-tiba bergegar di-



RUNTUH...tanah di tepi flet runtuh ketika waktu berbuka puasa.

susuli kejadian tanah runtuh beberapa minit sebelum azan Maghrib.

Menurut penyelia tapak binaan itu, dalam kejadian itu, dia terpaksa mendukung ayahnya yang uzur menuruni tangga flet untuk menyelamatkan nyawa mereka.

Menurutnya, beberapa minit sebelum kejadian, dia berehat di rumah sementara menunggu azan Maghrib untuk berbuka puasa.

"Tiba-tiba saya terdengar jeritan jiran yang memberitahu tanah mendap. Malah, ada yang memekik supaya kami turun dari flet secepat mungkin atau tanam hidup-hidup.

"Saya yang masih kebingungan kemudian dapat merasai flet bergerak. Ini menyebabkan saya hilangimbangan ketika berdiri," ka-

tanya yang tinggal di tingkat satu Blok 5.

Sabri berkata, dia sempat melihat rumah pembuangan sampah dan deretan kawasan meletak kenderaan berbungung zink di bawah flet menggelungsur jatuh ke tebing bukit.

Menurutnya, tanpa berfikir panjang, dia segera mengarahkan ibunya, Rubiah Kasron, 55, keluar dari rumah sementara dia mendukung ayahnya, Ismail Khamis, 65, yang menghidap sakit saraf.

"Saya yang bimbang tidak sempat menyelamatkan diri terpaksa meminta bantuan lima jiran untuk mengusung ayah yang hanya mampu terbaring atas tilam.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana sempat melarikan diri walaupun jalan dan kawasan meletak ken-

deraan di hadapan flet kami lesap ditelan bumi," katanya.

Menurutnya, dia dan keluarga hanya mampu berbuka puasa dengan air mineral yang diberikan jiran.

"Sebelum ini saya pernah melihat retakan tanah di kawasan letak kenderaan tapi tak sangka ia boleh menjadi tragedi lebih buruk," katanya.

Sabri yang tinggal di Blok 5 rumah pangsa kos rendah itu berkata, hakisan tanah itu dapat dilihat sejak Rabu lalu.

"Sebelum tanah runtuh, saya perhatikan terdapat retakan pada blok. Retakan itu memaksa penghuni keluar dari bangunan dengan membawa bersama barang mustahak. Sekitar jam 7 malam, kami terdengar bunyi kuat dan pokok tumbang. Ketika inilah tanah runtuh mula berlaku," katanya.

Waktu Solat

وقت صلاة

DAERAH	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/Putrajaya	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Petaling/Shah Alam	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Gombak	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Hulu Selangor	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Hulu Langat	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Sepang	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Rawang	5.43	1.04	4.17	7.03	8.12
Sabak Bernam	5.45	1.06	4.19	7.05	8.14
Klang	5.43	1.06	4.19	7.05	8.14
Kuala Langat	5.43	1.06	4.19	7.05	8.14
N SEMBILAN	5.41	1.00	4.14	7.03	8.12
MELAKA	5.39	1.00	4.12	7.01	8.10



DATANG & BANDING

- Petaling Street - Kuala Lumpur
- Greentown Shopping Mall - Ipoh
- Plaza Angsana Tampoi - Johor
- Chow Kit - Kuala Lumpur
- Pantai Hill Park - Kuala Lumpur
- Kotaraya - Johor Bahru

www.uo.com.my

Metro

Pengarang Eksekutif HM/MA

Mustapa Omar

Penolong Pengarang (Pengeluaran) HM/MA

Ahmad Salim Bachok

Ketua Pengarang Berita HM

Shariffuddin Mohamad

BERITA HARIAN SDN BHD

Ketua Pengarang Kumpulan NSTP

Datuk Hishamuddin Aun

Pengarang Kumpulan BHSB

Datuk Manja Ismail

Timbalan Pengarang Kumpulan BHSB

Ahmad Tajuddin Baharuddin

Harian Metro diterbitkan oleh

The New Straits Times Press (M) Bhd,

31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-22822323 Faks: 03-22848390

Laman web: www.hmetro.com.my

E-mel: am@metro.com.my

>Mengengsot selamat diri

KUALA LUMPUR: "Saya nekad mengengsot menuruni tangga dari tingkat empat untuk menyelamatkan diri tanpa hiraukan kaki yang sakit kerana bimbang flet runtuh," kata Arbaayah Ali, 55, orang kurang upaya (OKU) yang कुदुng sebelah kaki, malam tadi.

Menurutnya, dia nekad selepas terdengar jiran riuh-rendah memintanya keluar dari rumah kerana berlaku runtuhan tanah.

"Masa tu saya dan suami, Mohd Hashim Othman, 67, sedang menghadap makanan kerana waktu berbuka hampir tiba apabila terdengar teriakan orang meminta kami keluar dari rumah.

"Suami yang menjenguk keluar terus memberitahu flet nak runtuh dan saya hanya sempat meneguk air sebelum mengengsot turun menyelamatkan diri," katanya.

Menurutnya, dia terpaksa mengengsot untuk turun kerana memikirkan apa akan jadi jika rumah runtuh sebelum sempat turun.

Arbaayah berkata, suaminya membawa kerusi roda ke bawah ketika mereka sama-sama berusaha menyelamatkan diri.

"Saya kini terpaksa menumpang di rumah jiran sebelum memikirkan langkah seterusnya. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana tiada kejadian buruk berlaku ke atas

saya dan suami," katanya.

Dia yang dipotong paha kanan dan pergelangan kaki kiri kerana penyakit kencing manis tinggal di situ sejak 20 tahun lalu.

Sementara itu, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) mengedarkan 1,200 nasi bungkus kepada mangsa beragama Islam untuk juadah sahur kepada keluarga yang ditempatkan di Surau Nurul Huda dan dewan orang ramai flet berkenaan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan turut mengedarkan bantuan tikar, selimut, kain batik, kain pelekat dan baju kepada mangsa.



SELAMAT...Arbaayah menumpang di rumah jiran.